

**Hargai Perpaduan Dan Kestabilan Politik Negara - TYT Sarawak
Bernama
24 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Rakyat di negara ini, khususnya di Sarawak, diminta supaya sentiasa menghargai dan memperkukuhkan perpaduan serta kestabilan politik yang dicapai sekarang untuk diwarisi kepada generasi akan datang.

Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhamad Salahuddin Abang Barieng berkata rakyat negara ini harus mengambil iktibar daripada ketidaktenteraman yang berlaku di beberapa negara lain yang telah menyebabkan keamanan hidup dan kestabilan politik negara terancam.

"Tanpa perpaduan, tidak mungkin wujud kestabilan politik yang menjadi teras utama untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik," katanya dalam perutusan khas sempena sambutan Hari Krismas yang akan diraikan pada Ahad.

Beliau berkata sebagai sebuah negara majmuk yang mempunyai pelbagai agama dan budaya, tanggungjawab memelihara perpaduan antara kaum sentiasa menjadi agenda utama pemimpin dan kerajaan.

Kata beliau sambutan perayaan masyarakat pelbagai kaum termasuk Krismas menjadi asas untuk menyemarakkan lagi semangat muhibbah dan mempereratkan hubungan rakyat.

Dalam pada itu, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam perutusannya pula berkata masih banyak lagi cabaran yang perlu ditempuh untuk mencapai matlamat menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Katanya melalui tranformasi ekonomi serta Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), ia pastinya akan dapat membantu Sarawak memacu ekonominya lebih maju ke hadapan.

Ke arah itu, katanya rakyat Sarawak perlu kekal bersatu dan tidak mudah terpengaruh dengan politik perpecahan yang cuba menggunakan pelbagai isu yang tidak menguntungkan rakyat.

Taib berkata beliau yakin dengan adanya langkah untuk menggunakan sumber ekonomi yang ada, Sarawak mampu untuk membangun dengan lebih cepat termasuk di kawasan luar bandar.

Beliau juga berharap sambutan Krismas ini bakal menjadi titik tolak kepada rakyat untuk memperkukuhkan azam dan menanam semangat baru untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata rakyat Malaysia daripada kumpulan agama dan etnik yang berbeza terus memperlihatkan kekuatan mereka dalam kepelbagaian dan kekal bersatu dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya.

Beliau berkata Malaysia terus menjadi contoh terbaik bagaimana sebuah masyarakat majmuk boleh hidup seiring, terutamanya ketika meraikan perayaan agama dan budaya

dengan masyarakat daripada pelbagai lapisan berkumpul sebagai sebuah keluarga.

"Kemesraan rakyat Malaysia yang sememangnya terkenal ini terserlah menerusi cara setiap orang disambut ketika mengunjungi rumah terbuka dan tradisi unik yang kita kongsi ini adalah asas kepada perpaduan kita," kata beliau dalam perutusan sempena Hari Krismas di sini.

Beliau berkata seperti Aidilfitri dan Deepavali, Krismas diraikan dalam suasana aman dan harmoni dengan saling mengucapkan selamat serta mengadakan rumah terbuka.

Beliau turut berharap agar semangat tradisi ini diperluaskan kepada golongan kurang bernasib baik untuk menzahirkan bahawa rakyat Malaysia prihatin terhadap satu sama lain.

Dalam menyambut kedatangan tahun baru, Musa berharap rakyat Malaysia di Sabah akan mencatat pencapaian dalam bidang tugas dan pengajian masing-masing.

Katanya pencapaian itu akan membantu membawa transformasi kepada Sabah dan negara agar berada pada kedudukan yang setara dengan beberapa negara terbaik di dunia.

Beliau berkata kerajaan negeri akan terus berusaha menjana pendapatan memandangkan dana yang berterusan diperlukan untuk membangunkan negeri ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636318>